

3AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM terus pantau situasi semasa kes jangkitan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menegaskan tindakan kesihatan awam amat digalakkan dengan pemakaian pelitup muka terutama di tempat sesak susulan kebolehjangkitan tinggi varian Omicron XBB ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata seperti yang sudah dijangkakan dalam unjuran kes harian, peningkatan kes COVID-19 akan berlaku pada bulan ini dan hadapan.

Katanya, ini adalah disebabkan varian Omicron XBB dengan kebolehjangkitan yang tinggi.

"Tindakan kesihatan awam amat digalakkan dengan pemakaian pelitup muka terutama di tempat sesak, ruang sempit dan tertutup serta kerap mencuci tangan dengan *hand sanitizer*.

"Sila dapatkan dos penggalak terutamanya kepada mereka yang berisiko tinggi. Jangkitan semula XBB meningkat kepada 17 peratus berbanding dengan hanya lima peratus varian Omicron ial-



Dr Noor Hisham Abdullah

tu kepada mereka yang pernah dijangkiti," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, jangkitan harian kes positif baharu COVID-19 di negara ini melonjak kepada 4,711 kes berbanding sebelum ini iaitu 3,969 kes.

Beliau berkata lagi, KKM akan terus memantau situasi semasa.

"Kita bersama boleh putus rantai jangkitan dengan me-

laksanakan langkah; uji, lapor, maklum, asing dan dapatkan rawatan (TRIIS) dan pematuhan kendiri serta elakkan daripada dijangkiti. #KitaJagaKita," katanya.

Pada perkembangan semasa Noor Hisham berkata, KKM masih memantau perkembangan trend peningkatan ini.

"Rakyat digesa untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) terutama di tempat sesak dan sempit dengan pengudaraan yang kurang baik serta kerap mencuci tangan.

"KKM menasihatkan orang ramai supaya terus mengamalkan

pendekatan 3W dengan mengelakkan 3S atau 3C sebagai kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian bagi mengawal penularan COVID-19.

"Konsep 3W merangkumi kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (*wear*), dan amaran dari KKM yang lebih berkongsep peringatan (*warn*) pendekatan 3W dengan mengelakkan 3S atau 3C sebagai kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian bagi mengawal penularan COVID-19," katanya.